Nur Fatihah Saqira bt Mohd Tahir lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO M-05(M)-511–10 TAHUN 2018 DAN M-05(M)-512–10 TAHUN 2018

LEE SWEE SENG, AHMAD NASFY DAN HASHIM HAMZAH HHMR

24 OGOS 2022

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu-perayu dituduh di bawah s 302 dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan — Perayu-perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman gantung — Sama ada sabitan terhadap perayu pertama adalah selamat — Sama ada sabitan terhadap perayu kedua adalah selamat — Kanun Keseksaan s 302

Nur Fatihah Saqira bt Mohd Tahir ('perayu pertama') dan Firdaus bin Abd Karim ('perayu kedua') masing-masing merayu terhadap sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan. Muhammad Azzad Suhani bin Hilalluddin ('si mati') merupakan teman lelaki perayu pertama sewaktu perayu pertama mula-mula memasuki Politeknik Merlimau. Kemudian, perayu pertama mula mengenali perayu kedua. Hubungan di antara perayu pertama dan perayu kedua kelihatan mesra dan dilihat sebagai sepasang kekasih oleh kenalan mereka. Apabila si mati mengetahui tentang hubungan di antara perayu pertama dan perayu kedua, si mati dan perayu pertama mula bergaduh. Perayu pertama ingin memutuskan hubungan dengan si mati tetapi si mati enggan berbuat demikian. Pada 31 Disember 2014 pada jam lebih kurang 3.20 petang, si mati dilihat tiba di hadapan Politeknik Merlimau, Melaka. Pada jam lebih kurang 4 petang, perayu pertama bersama-sama rakan serumahnya ('SP30' dan 'SP36') telah terserempak dengan si mati. Perayu pertama kelihatan terkejut, cemas dan gelisah apabila terlihat si mati. Selepas itu, perayu pertama dilihat menghubungi perayu kedua. Si mati kemudiannya dilihat berborak dengan perayu pertama lebih kurang 20 ke 30 minit sebelum mereka bergerak pulang. Pada jam lebih kurang 6 petang, perayu kedua telah pergi ke rumah sepupunya ('SP31') untuk meminjam pisau. Apabila ditanya, perayu kedua memberitahu bahawa dia ingin membunuh si mati kerana khuatir si mati akan sebarkan gambar lucah perayu pertama. Mereka bersama-sama dengan seorang lagi rakan mereka ('SP28') bertolak ke rumah sewa perayu pertama. Pada jam lebih kurang 11 malam, kesemua perayu pertama, perayu kedua, SP28, SP30 dan SP31 berada di rumah sewa perayu pertama. Perayu pertama telah mengajak SP30 untuk menemaninya bertemu dengan si mati di Restoran Al-Mashur di hadapan Politeknik Merlimau. Perayu kedua telah meminta SP31 untuk membawanya ke arah politeknik manakala SP28 mengekori mereka dari belakang. SP28 melihat perayu kedua turun dari motosikal dan menuju ke

kawasan yang samar-samar gelap. Kali terakhir si mati dilihat sebelum mayat si mati ditemui adalah pada 31 Disember 2014 jam lebih kurang 11.15 malam. Pada waktu itu, si mati dilihat beredar bersama perayu pertama dari Restoran Al-Mashur menuju ke hujung lorong yang berhampiran. Keterangan menunjukkan bahawa terdapatnya rentetan mesej melalui SMS di antara perayu pertama dan perayu kedua di mana perayu kedua telah meminta perayu pertama untuk membawa si mati ke lorong belakang tempat kejadian. Semasa dalam perjalanan pulang ke rumah, SP30 terlihat perayu pertama keluar dari lorong hadapan dengan membawa beg si mati. Pada 1 Januari 2015 jam lebih kurang 3 pagi, setelah SP28 dan SP31 tiba di rumah perayu kedua, SP31 telah membuka beg si mati yang diserahkan oleh perayu kedua kepadanya dan terlihat pisau miliknya. Perayu kedua telah menceritakan apa yang berlaku kepada SP28 dan SP31. Menurut perayu kedua, dia telah bergelut dengan si mati dan menikamnya dan kelar leher si mati. Perayu kedua juga telah menunjukkan kecederaan di pahanya. Kemudian, perayu kedua telah meminta SP31 untuk membakar beg tersebut. SP31 dan SP28 turut melihat perayu kedua mencampakkan baju dan seluar yang dipakainya ke dalam api tersebut. Pada hari yang sama jam lebih kurang 7 petang, perayu kedua memberitahu SP28 dan SP30 bahawa dia telah menarik serta membuang mayat si mati ke dalam gaung loji kumbahan air Bandar Baru Merlimau Utara, Melaka. Pada 2 Januari 2015 jam lebih kurang 8.30 pagi, mayat si mati telah dijumpai oleh orang awam di dalam kawasan loji kumbahan air. Pihak polis telah pergi ke rumah si mati dan ayah si mati menyerahkan beberapa barang milik si mati di antaranya adalah satu kotak Samsung Galaxy Tab. Pada 5 Januari 2015, polis telah membuat tangkapan terhadap perayu pertama dan perayu kedua. Beberapa barang kes telah dirampas termasuklah sebuah Samsung Galaxy Tab. No IMEI Samsung Galaxy Tab yang dirampas daripada perayu kedua ini adalah sama dengan No IMEI yang tertera di atas kotak Samsung Galaxy Tab yang ditemui di dalam rumah si mati. Perayu pertama dan perayu kedua telah kemudiannya dituduh di bawah s 302 dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua perayu dan memerintahkan mereka untuk membela diri. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati bahawa kedua-dua perayu telah gagal untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan, dan mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap kedua-dua perayu. Kedua-dua perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan serta dijatuhkan hukuman gantung di leher sampai mati. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu pertama dan menolak rayuan perayu kedua:

(1) Pihak pendakwaan telah gagal untuk menunjukkan bahawa wujudnya sebarang perancangan di pihak perayu pertama untuk membunuh si mati, sama ada sebelum ataupun ketika kesalahan tersebut dilakukan. Di dalam kesemua komunikasi SMS di antara perayu pertama dan perayu kedua, tidak wujud sebarang rujukan langsung kepada apa-apa permintaan, perbincangan, perancangan dan niat bersama untuk mencederakan, membelasah atau lebih-lebih lagi untuk membunuh si mati. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa perayu pertama mempunyai pengetahuan mengenai pisau yang dibawa oleh perayu kedua. Selain daripada itu juga, tidak terdapat sebarang kesan darah si mati pada baju yang dipakai oleh perayu pertama pada malam tersebut. Perayu pertama telah pun menerangkan perihal pemilikan beg tersebut (yang telah diserahkan oleh si mati sendiri) dalam pembelaannya. Fakta pemilikan beg si mati tersebut mewujudkan beberapa inferens, maka inferens yang memihak kepada perayu pertama hendaklah diguna pakai. Perayu pertama tidak terlibat sama dalam pelupusan bukti pembunuhan si mati oleh perayu kedua setelah kejadian berlaku. Versi perayu pertama adalah konsisten dengan keseluruhan keterangan di hadapan mahkamah. Terdapat merit dalam rayuan perayu pertama. Oleh itu, hakim bicara telah terkhilaf apabila mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhannya terhadap perayu pertama melampaui keraguan yang munasabah. Kekhilafan hakim bicara mewajarkan campur tangan rayuan (lihat perenggan 73, 76–79 & 81–82).

(2) Isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu kedua adalah tidak bermerit. Pengakuan perayu kedua kepada SP31 bahawa dia telah membunuh si mati juga adalah relevan, boleh diterima masuk dan tidak tertakluk kepada peruntukan di bawah s 24 Akta Keterangan 1950. Pengakuan perayu kedua kepada SP31 dan SP28 bahawa dia telah membunuh si mati adalah suatu pengakuan sepertimana yang ditakrifkan di bawah s 17(2) Akta Keterangan 1950. SP31 juga bukanlah seorang 'person in authority' dan hanya merupakan sepupu kepada perayu kedua. Juga tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa wujudnya elemen 'inducement, threat or promise' ketika perayu kedua membuat pengakuan tersebut kepada SP31. Tiada sebarang salah arah dilakukan oleh hakim bicara apabila menerima masuk dan mempertimbangkan kesemua keterangan. Selain daripada itu juga, barang milik si mati yang ditemui di dalam rumah perayu kedua (iaitu Samsung Galaxy Tab yang mempunyai nombor IMEI yang sama dengan kotak Samsung Galaxy Tab yang dijumpai oleh pihak polis di rumah si mati) selang beberapa hari selepas si mati dibunuh menimbulkan inferens yang tidak memihak kepada perayu kedua. Selanjutnya, penjelasan perayu kedua bahawa dia terus balik ke rumah sewa perayu pertama setelah tercedera di paha akibat terjatuh di kawasan loji berhampiran tempat kejadian adalah tidak

masuk akal. Adalah lebih berkemungkinan kecederaan di paha perayu kedua adaiah diakibatkan daripada pergelutan di antara perayu kedua dengan si mati. Seterusnya, perbuatan perayu kedua yang telah membakar pakaian yang dipakainya pada malam kejadian itu adalah perbuatan untuk memusnahkan keterangan-keterangan darah atau DNA si mati yang tertinggal pada pakaian perayu kedua tersebut. Tikaman kepada leher dan dada yang merupakan tempat yang 'vital' sudah cukup menyebabkan kematian si mati jelas menunjukkan niat perayu kedua untuk membunuh si mati yang memenuhi peruntukan di bawah s 300(a) Kanun Keseksaan. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes mereka terhadap perayu kedua melampaui keraguan yang munasabah, dengan bergantung kepada kesemua keterangan mengikut keadaan (lihat perenggan 89, 92–93, 95–96, 100–101 & 103–106).

[English summary

Nur Fatihah Saqira bt Mohd Tahir ('the first appellant') and Firdaus bin Abd Karim ('the second appellant') each appealed against the conviction and sentence that had been imposed. Muhammad Azzad Suhani bin Hilalluddin ('the deceased') was the first appellant's boyfriend when the first appellant first entered Merlimau Polytechnic. Later, the first appellant began to know the second appellant. The relationship between the first appellant and the second appellant appeared friendly and was seen as a couple by their acquaintances. When the deceased found out about the relationship between the first appellant and the second appellant, the deceased and the first appellant started fighting. The first appellant wanted to end the relationship with the deceased but the deceased refused to do so. On 31 December 2014 at approximately 3.20pm, the deceased was seen arriving in front of Merlimau Polytechnic, Melaka. At approximately 4pm, the first appellant together with her housemates ('SP30' and 'SP36') came across the deceased. The first appellant appeared shocked, anxious and agitated when she saw the deceased. After that, the first appellant was seen contacting the second appellant. The deceased was then seen chatting with the first appellant for approximately 20 to 30 minutes before they left for home. At approximately 6pm, the second appellant went to his cousin's house ('SP31') to borrow a knife. When asked, the second appellant said that he wanted to kill the deceased because he was afraid that the deceased would spread obscene pictures of the first appellant. They together with another of their friend ('SP28') left for the first appellant's rented house. At approximately 11pm, the first appellant, the second appellant, SP28, SP30 and SP31 were at the first appellant's rented house. The first appellant invited SP30 to accompany her to meet the deceased at Al-Mashur Restaurant in front of Merlimau Polytechnic. The second appellant had asked SP31 to take him towards the polytechnic while SP28 followed them from behind. SP28 saw the second appellant get off the motorcycle and head towards a dimly lit area. The last time the deceased was seen before the body of the deceased was found was

on 31 December 2014 at approximately 11.15pm. At that time, the deceased was seen walking with the first appellant from Al-Mashur Restaurant towards the end of the nearby alley. The evidence showed that there was a series of text messages between the first appellant and the second appellant in which the second appellant had asked the first appellant to take the deceased to the back alley of the scene. While on her way home, SP30 saw the first appellant coming out of the front hallway carrying the deceased's bag. On 1 January 2015 at approximately 3am, after SP28 and SP31 arrived at the second appellant's house, SP31 opened the deceased's bag which was handed over to him by the second appellant and saw his knife. The second appellant had narrated what had happened to SP28 and SP31. According to the second appellant, he had struggled with the deceased and stabbed him and slashed the deceased's neck. The second appellant had also shown an injury to his thigh. Then, the second appellant asked SP31 to burn the bag. SP31 and SP28 also saw the second appellant threw the shirt and pants he was wearing into the fire. On the same day at approximately 7pm, the second appellant told SP28 and SP30 that he had pulled and dumped the deceased's body into the gully of the Bandar Baru Merlimau Utara sewage plant, Melaka. On 2 January 2015 at approximately 8.30am, the body of the deceased was found by the public in the area of the sewage plant. The police went to the deceased's house and the deceased's father handed over some of the deceased's belongings, including a Samsung Galaxy Tab box. On 5 January 2015, the police arrested the first appellant and the second appellant. Several case items were seized including a Samsung Galaxy Tab. The IMEI No of the Samsung Galaxy Tab seized from the second appellant was the same as the IMEI No written on the box of the Samsung Galaxy Tab found in the deceased's house. The first appellant and the second appellant were subsequently charged under s 302 read with s 34 of the Penal Code. At the end of the prosecution's case, the trial judge found that the prosecution had succeeded in proving a prima facie case against both appellants and ordered them to enter defence. At the end of the defence case, the trial judge found that the two appellants had failed to raise a reasonable doubt against the prosecution's case and found that the prosecution had succeeded in proving the case beyond a reasonable doubt against the two appellants. Both appellants were found guilty and convicted of the charges and sentenced to be hanged by the neck until death. Hence, this appeal.

Held, allowing the first appellant's appeal and dismissing the second appellant's appeal:

(1) The prosecution had failed to show that there was any planning on the part of the first appellant to kill the deceased, either before or when the offense was committed. In all the SMS communications between the first appellant and the second appellant, there was no direct reference to any request, discussion, planning and mutual intention to injure, beat or moreover to kill the deceased. There was no evidence to show that the

first appellant had knowledge of the knife carried by the second appellant. Apart from that, there was no trace of the deceased's blood on the shirt worn by the first appellant that night. The first appellant had already explained the ownership of the bag (which was handed over by the deceased himself) in her defence. The fact of the possession of the deceased's bag created several inferences, so the inference in favour of the first appellant should be used. The first appellant was not involved in the disposal of evidence of the murder of the deceased by the second appellant after the incident occurred. The first appellant's version was consistent with the entire evidence before the court. There was merit in the appeal of the first appellant. The trial judge therefore erred in finding that the prosecution had succeeded in proving its charges against the first appellant beyond reasonable doubt. The trial judge's error warranted appellate intervention (see paras 73, 76–79 & 81–82).

(2) The issues raised by the second appellant were without merit. The second appellant's confession to SP31 that he had killed the deceased was also relevant, admissible and not subjected to the provisions under s 24 of the Evidence Act 1950. The second appellant's confession to SP31 and SP28 that he had killed the deceased was a confession as defined under s 17(2) of the Evidence Act 1950. SP31 was also not a 'person in authority' and was only a cousin of the second appellant. There was also no evidence to show that there was an element of 'inducement, threat or promise' when the second appellant made the confession to SP31. There was no misdirection by the trial judge when accepting and considering all the evidence. Apart from that, the belongings of the deceased found in the second appellant's house (ie a Samsung Galaxy Tab which had the same IMEI number as the Samsung Galaxy Tab box found by the police in the deceased's house) a few days after the deceased was killed gave rise to an inference that was not in favour of the second appellant. Further, the second appellant's explanation that he went straight back to the first appellant's rented house after injuring his thigh as a result of falling in the plant area near the scene of the incident was absurd. It was more likely that the injury to the second appellant's thigh was caused by a struggle between the second appellant and the deceased. Next, the second appellant's act of burning the clothes he wore on the night of the incident was an act to destroy evidence of the deceased's blood or DNA left on the second appellant's clothes. The stabbing to the neck and chest which was a vital place was enough to cause the death of the deceased clearly showing the intention of the second appellant to kill the deceased which met the provisions under s 300(a) of the Penal Code. The prosecution had succeeded in proving their case against the second appellant beyond reasonable doubt, relying on all the circumstantial evidence (see paras 89, 92–93, 95–96, 100–101 & 103–106).]

Kes-kes yang dirujuk

(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v PP [1987] 2 MLJ 336; [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ Rep 241, MA (dirujuk)
Abdullah bin Saad v PP [1956] 1 MLJ 92; [1955] 1 LNS 3, MR (dirujuk)
Ahmad Najib bin Aris v PP [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800, MP (dirujuk)
Chan Chwen Kong v PP [1962] 1 MLJ 307; [1962] 1 LNS 22, MR (dirujuk)
Chang Kim Siong v PP [1968] 1 MLJ 36; [1967] 1 LNS 18, MP (dirujuk)
Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232; [1983] 1 CLJ 138; [1983] CLJ Rep 721, MP (dirujuk)
Farose bin Tamure Mohamad Khan v PP and other appeals [2016] 6 MLJ 277; [2016] 9 CLJ 769, MP (dirujuk)
Ho Sek Kong v PP [2011] 5 MLJ 359; [2011] 6 CLJ 522, MR (dirujuk)
Jayaraman & Ors v PP [1982] 2 MLJ 273; [1981] 1 LNS 129 (dirujuk)
Karam Singh v PP [1967] 2 MLJ 25; [1967] 1 LNS 65, MP (dirujuk)
Kenneth Fook Mun Lee v PP [2007] 2 MLJ 130; [2006] 4 CLJ 359, MP (dirujuk)
Krishna Rao a/l Gurumurthi v PP and another appeal [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603, MP (dirujuk)
Lee Kim Ching, Re [1974] 2 MLJ 44 (diikut)
Lim San Muk v PP [2019] MLJU 1164; [2019] 1 LNS 1762, MR (dirujuk)
Low Kian Boon & Anor v PP [2010] 4 MLJ 425; [2010] 5 CLJ 489, MP (dirujuk)
Magendran a/l Mohan v PP [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805, MP (dirujuk)
Mahavir Singh v State of Haryana [2015] 3 CLJ 1009, MA (diikut)
Md Zainudin bin Raujan v PP [2013] 3 MLJ 773; [2013] 4 CLJ 21, MP (dirujuk)
Mohamad bin Deraman v PP [2011] 3 MLJ 289; [2011] 3 CLJ 601, MR (dirujuk)
Mohd Johi bin Said & Anor v PP [2005] 5 MLJ 409; [2005] 1 CLJ 389, MR (dirujuk)
PP v Azilah bin Hadri & Anor [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579, MP (dirujuk)
PP v Jitweer Singh a/l Ojagar Singh [2014] 6 MLJ 222; [2014] 1 CLJ 433, MP (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
Rakesh Kumar a/l Thangagrajoo lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan [2017] MLJU 618; [2017] 1 LNS 502, MR (dirujuk)
Rasoul Bagherbejandi Ahmad v PP and another appeal [2016] 1 MLJ 272; [2015] 1 LNS 772, MR (dirujuk)
Selvadurai v PP [1948–1949] supp MLJ 43 (dirujuk)

A *Tai Chai Keh v PP* [1948–1949] supp MLJ 105b; [1948] 1 LNS 122, MR (dirujuk)
Tan Kim Ho & Anor v PP [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236, MP (diikut)
Thiruselvam s/o Nagaratnam v PP [2001] 2 SLR 125, MR (dirujuk)

B **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Keterangan 1950 ss 17(2), 24, 114(a)
Kanun Keseksaan ss 34, 300, 300(a), 302

C **Rayuan daripada:** *Pendakwa Raya lwn Nur Fatihah Saqira bt Mohd Tahir* [2018] MLJU 2194 (Mahkamah Tinggi, Melaka)

Mah Kah Keong (KK Mak & Co) bagi pihak perayu pertama.
Azrul Z Stork (Azharudin & Assoc) bagi pihak perayu kedua.
Nahra bt Dollah (Aida Khairuleen bt Azli bersamanya) (Timbalan Pendakwa
D *Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

Hashim Hamzah HMR:

PENGENALAN

E

[1] Nur Fatihah Saqira bt Mohd Tahir (perayu dalam M-05(M)–51110 Tahun 2018) selepas daripada ini akan disebut sebagai 'perayu pertama' dan Firdaus bin Abd Karim (perayu dalam M-05(M)-512–10 Tahun 2018) selepas daripada ini akan disebut sebagai 'perayu kedua'. Perayu pertama dan perayu
F kedua masing-masingnya merayu terhadap sabitan dan juga hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara pada 28 September 2018 di mana hakim bicara telah mendapati kedua-dua perayu bersalah dan mensabitkan mereka dengan kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan, lalu menjatuhkan hukuman gantung di leher sehingga mati terhadap mereka.

G

[2] Pertuduhan terhadap kedua-dua perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama di antara 31.12.2014 jam lebih kurang 11.30 malam hingga 1.1.2015 jam lebih kurang 1.00 pagi di antara Jalan BMU 2 hingga ke
H kolam loji kumbahan, Bandar Bam Merlimau Utara, Merlimau dalam Daerah Jasin, di dalam Negeri Melaka bagi mencapai niat bersama kamu semua telah membunuh MUHAMMAD AZZAD SUHANI BIN HILALLUDDIN, KP: 880102–08–6027 dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 kanun yang sama.

I

KES PENDAKWAAN

[3] Fakta kes pendakwaan yang terperinci telah dikupas dengan panjang lebar oleh hakim bicara di dalam alasan penghakimannya, dan kami tidak

bercadang untuk memperturunkan kesemuanya di sini. Fakta yang relevan untuk tujuan rayuan ini telah kami rumuskan seperti di bawah.

[4] Pada 2 Januari 2015 jam lebih kurang 8.30 pagi, mayat Muhammad Azzad Suhani bin Hillalluddin (No K/P: 880102–08–6027) ('si mati') telah dijumpai oleh orang awam di dalam kawasan loji kumbahan air Bandar Baru Merlimau Utara, Melaka. Penemuan mayat si mati tersebut telah dimaklumkan kepada pihak polis dan satu siasatan telah dimulakan. Siasatan dijalankan oleh ASP Amir bin Kaskon ('SP37').

[5] Pada hari yang sama jam lebih kurang 2 petang, mayat si mati telah diserahkan kepada Bahagian Forensik, Hospital Melaka untuk tujuan bedah siasat. Pada keesokan harinya iaitu pada 3 Januari 2015, Pakar Forensik Patologi Hospital Melaka iaitu Dr Emizam bin Mohamadon ('SP29') telah menjalankan bedah siasat terhadap si mati.

[6] Berdasarkan kepada bedah siasat yang telah dijalankan, SP29 mendapati seperti berikut:

(a) terdapat kesan-kesan koyak sebanyak tujuh di lengan kanan dan lapan di bahagian belakang baju t-shirt berwarna merah;

(b) terdapat kesan-kesan kecederaan luaran pada jasad si mati seperti berikut:

(i) sembilan luka hiris di tangan kanan;

(ii) satu luka hiris di pergelangan tangan kanan;

(iii) satu luka tikam di lengan kanan bawah;

(iv) satu luka tikam dan satu luka hiris di lengan kanan bahagian atas;

(v) satu luka tikam di bahagian hujung bahu kanan;

(vi) tiga luka hiris di tangan kiri;

(vii) satu luka hiris di pergelangan tangan kiri;

(viii) satu luka tikam di bahu kiri;

(ix) dua luka hiris dan satu luka tikam di dahi;

(x) luka hiris di pelipis kiri muka;

(xi) satu luka tikam di pipi kiri;

(xii) satu luka hiris di bibir atas;

(xiii) satu luka hiris di bahagian dagu;

(xiv) tiga luka hiris di bahagian tepi hadapan sebelah kanan kepala;

(xv) satu luka tikam di bahagian tepi sebelah kanan kepala;

(xvi) dua luka hiris di bahagian hadapan kepala;

(xvii) satu luka hiris di bahagian tepi hadapan sebelah kiri kepala;

(xviii) satu luka tikam di bahagian tepi atas sebelah kiri kepala;

(xix) satu luka hiris di bahagian tepi sebelah kiri kepala;

(xx) dua luka tikam di bahagian belakang kepala;

(xxi) lapan luka hiris di bahagian hadapan leher;

(xxii) empat luka tikam di bahagian belakang badan; dan

(xxiii) luka-luka calar dan lebam di kedua-dua anggota tangan (kanan dan kiri), kedua-dua anggota kaki (kanan dan kiri), kepala, muka, leher dan belakang badan.

[7] SP29 berpendapat bahawa kesan-kesan luka hirisan dan tikaman adalah disebabkan oleh objek yang tajam dan runcing. Kesan-kesan lebam adalah disebabkan oleh kesan hentakan objek tumpul atau dihentak kepada objek tumpul. Kesan-kesan luka calar pula adalah disebabkan oleh geseran pada objek tumpul yang mempunyai permukaan yang kasar.

[8] Hasil bedah siasat terhadap si mati mendapati bahawa terdapatnya:

(a) pendarahan di bawah kulit kepala (bersesuaian dengan luka luaran);

(b) tiga kesan tusukan kecil di tengkorak kepala;

(c) pendarahan di bawah selaput nipis (*meninges*) otak di bahagian kiri otak (*subarachnoid haemorrhage*);

(d) kesan hiris di otot-otot bahagian hadapan leher;

(e) kesan hiris di tulang halkum sehingga membocorkan saluran pernafasan;

(f) kesan luka tikam menembusi ruang antara tulang rusuk keempat sebelah kanan belakang badan;

(g) kesan luka tikam menembusi ruang antara tulang rusuk kesepuluh sebelah kiri belakang badan, seterusnya menembusi lobus bawah paru-paru sebelah kiri, seterusnya menembusi otot diafram sebelah kiri dan akhirnya menembusi buah pinggang sebelah kiri; dan

(h) pemeriksaan organ-organ dalaman lain adalah dalam keadaan baik.

[9] SP29 berpendapat bahawa luka-luka hiris di leher dan luka tikam di bahagian belakang badan sebelah kiri adalah 'fatal in nature' dan telah mengakibatkan kematian si mati. SP29 turut berpendapat bahawa waktu kematian si mati adalah di antara 24 jam sehingga 48 jam dari waktu jasad si

mati dibawa ke Hospital Melaka berdasarkan kepada perubahan pembusukan awal jasad si mati.

[10] Keterangan yang telah dikemukakan oleh saksi pendakwaan menunjukkan bahawa si mati dan perayu pertama saling mengenali. Si mati merupakan teman lelaki perayu pertama sewaktu perayu pertama mula-mula memasuki Politeknik Merlimau. Kemudian, perayu pertama mula mengenali perayu kedua. Hubungan di antara perayu pertama dan perayu kedua kelihatan mesra dan dilihat sebagai sepasang kekasih oleh kenalan mereka. Apabila si mati mengetahui tentang hubungan di antara perayu pertama dan perayu kedua, si mati dan perayu pertama mula bergaduh. Perayu pertama ingin memutuskan hubungan dengan si mati tetapi si mati enggan berbuat demikian.

[11] Pada 31 Disember 2014 jam lebih kurang 7.20 pagi, si mati telah meminta bantuan kawannya iaitu Muhamad Akram bin Ameruddin ('SP15') untuk menghantarnya ke Terminal Amanjaya, Ipoh. Pada waktu itu si mati dilihat memegang tiket bas ke Melaka.

[12] Pada hari yang sama jam lebih kurang 3.20 petang, si mati dilihat tiba di hadapan Politeknik Merlimau, Melaka dengan menaiki teksi. Ramdzan bin Yaacob ('SP17'), pegawai keselamatan yang bertugas di pos hadapan Politeknik ada bertanya kepada si mati kenapa si mati berada di situ dan si mati memberitahu sedang menunggu kawannya, seorang pelajar Politeknik bernama 'Fatihah'.

[13] Pada jam lebih kurang 4 petang, perayu pertama bersama-sama rakan serumahnya iaitu Nor Izzati Sarah bt Othman ('SP30') dan Nathra bt Nizam ('SP36') telah terserempak dengan si mati. Perayu pertama kelihatan terkejut, cemas dan gelisah apabila terlihat si mati. Selepas itu, perayu pertama dilihat menghubungi perayu kedua. Si mati telah mengejar dan mengekori mereka sehingga ke sebuah kedai baju di hadapan Politeknik. Si mati kemudiannya dilihat berborak dengan perayu pertama lebih kurang 20 ke 30 minit sebelum mereka bergerak pulang.

[14] Pada jam lebih kurang 6 petang, perayu kedua telah pergi ke rumah sepupunya iaitu Md Yamin bin Md Yatim ('SP31') untuk meminjam pisau. Apabila ditanya, perayu kedua memberitahu bahawa dia ingin membunuh si mati kerana khuatir si mati akan sebarkan gambar lucah perayu pertama. SP31 juga menyatakan perayu kedua ada menyebut 'tak boleh hidup budak ini'. Perayu kedua telah mengajak SP31 untuk pergi ke Merlimau untuk melihat dan menunjukkan si mati kepada SP31.

[15] Pada jam lebih kurang 7 petang, sewaktu dalam perjalanan ke rumah

'Pakcik Karim' iaitu bapa kepada perayu kedua, perayu pertama telah menghubungi perayu kedua melalui telefon bimbitnya. SP36 terdengar perayu pertama memberitahu perayu kedua di mana kedudukan si mati di Merlimau. Apabila perayu kedua bersama sepupunya, Md Yamin bin Md Yatim ('SP31') tiba di Merlimau pada jam lebih kurang 7 petang, perayu kedua telah menunjukkan kedudukan si mati yang berada di dalam Restoran Al-Mashur, Jalan BMU 3 (di hadapan Politeknik) kepada SP31. Selepas itu, SP31 dan perayu kedua pulang semula ke rumah perayu kedua.

[16] Ketika perayu kedua dan SP31 berada di pangkin di hadapan rumah perayu kedua, SP31 telah melihat perayu kedua mengeluarkan pisau yang diambil dari rumah SP31 dan letakkan di pangkin tersebut. Setelah perayu kedua beredar untuk berjumpa dengan perayu pertama di Klebang, SP31 telah menyembunyikan pisau tersebut di bumbung pangkin tersebut. Setelah perayu kedua kembali, SP31 melihat perayu kedua mencari pisau yang telah disembunyikan sebelum mereka bersama-sama dengan seorang lagi rakan mereka yang bernama Mohd Zulmarhisyam Erman bin Mohd Zulaini ('SP28') bertolak ke rumah sewa perayu pertama di No JB338, Jalan MU 9, Taman Merlimau Utara, Merlimau, Melaka.

[17] Pada jam lebih kurang 11 malam, kesemua perayu pertama, perayu kedua, SP28, SP30 dan SP31 berada di rumah sewa perayu pertama. Perayu pertama telah mengajak SP30 untuk menemaninya bertemu dengan si mati di Restoran Al-Mashur. Mereka berjalan kaki ke sana dan perjalanan mengambil masa lebih kurang 15 minit.

[18] Pada waktu yang sama, pegawai keselamatan yang bertugas di pos hadapan Politeknik Merlimau iaitu Ahmad Safri bin Hassan ('SP16') dan SP17 menyatakan bahawa si mati dilihat masih berada di hadapan Politeknik sehingga mereka tamat tugas pada jam lebih kurang 11 malam.

[19] Pada waktu yang sama juga, perayu kedua telah meminta SP31 untuk membawanya ke arah Politeknik manakala SP28 mengekori mereka dari belakang. Perayu kedua telah meminta SP31 untuk menurunkannya di Jalan BMU 4. Sebaik sahaja perayu kedua turun dari motosikal, dia telah mencampakkan sarung pisau ke dalam bakul motosikal SP31 dan membawa pisau bersamanya menuju ke arah semak berhampiran. SP28 melihat perayu kedua turun dari motosikal dan menuju ke kawasan yang samar-samar gelap.

[20] Kali terakhir si mati dilihat sebelum mayat si mati ditemui adalah pada 31 Disember 2014 jam lebih kurang 11.15 malam. Pada waktu itu, si mati dilihat beredar bersama perayu pertama dari Restoran Al-Mashur di hadapan Politeknik Merlimau menuju ke hujung lorong yang berhampiran.

[21] Keterangan menunjukkan bahawa terdapatnya rentetan mesej melalui SMS di antara perayu pertama dan perayu kedua (P145) di mana perayu kedua telah meminta perayu pertama untuk membawa si mati ke lorong belakang tempat kejadian. Di antara petikan perbualan mereka yang relevan adalah seperti berikut:

'Abggggg ayg da pning laaa: (azaad ni mmng buat hidup orang Igy trukkk'

'AYG DA Ckp daa'

'Daa ... lorong belakang kan'

'Angkt je ckp kt kedai2 belakang skli'

'Text dye suruh gi kt belakang too'

'Papa nak mama kan, so datang la belakang tu'

'Dy xhbs2 suruh ayg datg sne laaa ... hishhh ... abg jumpe dy terus laa agg'

'Ckp kt dye ayang kt lorong belakang too'

'La yke ... ckp je la kt dye yang ayang da x pakai ape2 da'

[22] SP30 tidak ikut bersama perayu pertama dan si mati. SP30 hanya menunggu perayu pertama di hadapan sebuah kedai snuker berhampiran seorang diri. Setelah menurunkan perayu kedua, SP31 dan SP28 telah mengelilingi kawasan tempat kejadian dan kemudiannya menuju ke arah Restoran Rosmerah untuk makan dan minum. Di pertengahan jalan, SP31 terlihat perayu pertama dan si mati sedang duduk berdua-duaan di tangga (P136U) dan SP30 sedang berdiri berdekatan sebuah kedai snuker (P136Y). SP31 telah menegur SP30 dan kemudiannya SP31 dan SP28 beredar semula untuk menuju ke Restoran Rosmerah. Selepas lebih kurang 2 ke 3 minit mereka tiba di Restoran Rosmerah, kedengaran bunyi percikan bunga api tanda masuknya tahun baru.

[23] Lebih kurang setengah jam selepas percikan bunga api kedengaran, SP30 telah membuat keputusan untuk pulang ke rumah seorang diri. Semasa dalam perjalanan pulang, SP30 terlihat perayu pertama keluar dari lorong hadapan berdekatan Restoran Secret Recipe dengan membawa beg si mati. SP30 telah bertanya kepadanya di mana si mati dan perayu pertama menjawab 'Kau jangan gelabah boleh tak? Kau tak ada kaitan'.

[24] Menurut SP30, setibanya di rumah sewa mereka, SP28, SP31 dan seorang lagi lelaki telah mencari perayu kedua. SP30 tahu bahawa perayu kedua berada di dalam rumah sewa perayu pertama. Setelah perayu kedua keluar dari rumah sewa, SP30 melihat perayu kedua memakai seluar yang labuh dan bukan saiznya. SP28 dan SP31 juga melihat perayu kedua membawa

beg sandang si mati ketika perayu kedua keluar bersama perayu pertama dari rumah sewa tersebut.

[25] Daripada rumah sewa perayu pertama, SP28 dan SP31 telah bertolak ke rumah perayu kedua. Sebelum mereka bertolak, perayu kedua telah menyerahkan beg hitam putih milik si mati kepada SP31. Sewaktu beg tersebut diserahkan, perayu kedua telah memberitahu SP31 bahawa dia telah bunuh orang dan dalam beg tersebut ada pisau milik SP31.

[26] Pada 1 Januari 2015 jam lebih kurang 3 pagi, setelah SP28 dan SP31 tiba di pangkin rumah perayu kedua, SP31 telah membuka beg hitam putih si mati dan terlihat pisau yang diambil dari rumahnya. Turut dilihat di dalam beg tersebut adalah 'inhaler', pisau cukur, dompet, kad pengenalan, kad bank, seluar dan baju. SP31 masukkan semula kesemua barang tersebut ke dalam beg si mati. SP31 telah membasuh pisau tersebut dan masukkan semula ke dalam sarungnya. SP28 dan SP31 berada di pangkin tersebut sehingga perayu pertama dan perayu kedua sampai.

[27] Pada jam lebih kurang 4 pagi, perayu kedua telah tiba di pangkin tersebut. Perayu kedua telah menceritakan apa yang berlaku kepada SP28 dan SP31. Menurut perayu kedua, dia telah bergelut dengan si mati dan menikamnya di belakang badan, dada, kepala, leher dan kelar leher si mati. Si mati juga telah membalas dengan menumbuknya. Perayu kedua menceritakan perihal apa yang berlaku sambil tertawa dan bagaimana si mati telah berkata 'Argh! Mati!'. SP28 juga menyatakan bahawa apabila ditanya, perayu kedua menyatakan 'saya telah potong budak yang saya jumpa itu'. Perayu kedua juga telah menunjukkan kecederaan di pahanya.

[28] Ketika di pangkin tersebut, perayu kedua telah bertanya di mana beg si mati dan kemudian mengambilnya dari tepi pangkin tersebut. Sewaktu SP31 sedang bermain telefon, dia telah terhidu bau petrol. Kemudian, perayu kedua telah meminta SP31 untuk membakar beg tersebut. Setelah dinyalakan, SP31 telah membuang beg tersebut ke dalam api yang menjulang naik. SP31 mengesahkan bahawa beg tersebut dan kesemua barang di dalamnya telah hangus dibakar. SP31 turut melihat perayu kedua masuk semula ke dalam rumah, keluar semula dengan berkain tuala dan mencampakkan baju dan seluar yang dipakainya ke dalam api tersebut. SP28 turut bersama menyaksikan kejadian.

[29] Menurut Dr Avinash a/l Chandrasekharan Pillay ('SP23'), perayu kedua telah dirawat olehnya pada 1 Januari 2015 jam lebih kurang 6 pagi di Jabatan Kecemasan, Hospital Besar Melaka. Perayu kedua telah mengalami kecederaan di paha kirinya. Menurut SP23, perayu kedua menyatakan bahawa dia telah terjatuh dan terkena besi yang tajam. SP23 berpendapat bahawa

kecederaan tersebut disebabkan oleh objek yang tajam dan tidak menolak kemungkinan ia disebabkan oleh pisau. Luka perayu kedua tersebut telah dijahit dengan lima jahitan.

[30] Pada hari yang sama jam lebih kurang 7 petang, perayu kedua telah memberitahu SP28 dan SP31 bahawa pahanya telah dijahit. Perayu kedua juga memberitahu bahawa dia telah kembali ke Merlimau untuk menarik serta membuang mayat si mati ke dalam gaung loji kumbahan tersebut. Perayu kedua maklumkan bahawa pada waktu itu perayu pertama hanya menunggu di atas motosikal.

[31] Pada 4 Januari 2015 jam lebih kurang 1.30 petang, Insp Mudzaffar Shah bin Zulkefli ('SP10') bersama pasukannya telah pergi ke sebuah rumah beralamat di No 6, Laluan 11, Taman Desa Pengkalan, 31500 Lahat, Perak. Di sana, SP10 telah berjumpa dengan ayah kandung si mati iaitu Hilalluddin bin Mohd Som ('SP8'). SP8 telah kemudiannya menyerahkan beberapa barang milik si mati yang diambil dari dalam bilik si mati kepada SP10 di antaranya adalah satu kotak berwarna putih tertera 'Samsung Galaxy Tab 2' 10.1 inci dengan IMEI No: 354314/05/259689/4.

[32] Pada 5 Januari 2015 jam lebih kurang 1.15 pagi, Insp Mohd Saliman bin Salleh ('SP12') bersama pasukannya telah membuat tangkapan terhadap perayu pertama di hadapan sebuah rumah beralamat di JB 3368, Jalan MU 9, Taman Merlimau Utara, 77300 Merlimau, Melaka. Turut dirampas adalah sebuah telefon bimbit berjenama 'Samsung' berwarna hitam beserta bateri dan kad SIM 'Hotlink'.

[33] Pada hari yang sama jam lebih kurang 3 pagi, SP12 bersama-sama pasukannya telah membuat tangkapan terhadap perayu kedua di alamat 650–1, Jalan Surau, Pengkalan Ranggam, Kg Kandang, 75460 Melaka.

[34] Pemeriksaan badan perayu kedua yang dijalankan mendapati terdapat kesan lima jahitan akibat luka di bahagian paha sebelah kiri perayu kedua. Turut terdapat kesan luka kecil di jari hantu dan jari manis tangan sebelah kanan serta luka kecil di bahagian jari kelingking dan jari manis tangan sebelah kiri perayu kedua.

[35] SP12 telah menemubual perayu kedua dan hasil temubual tersebut perayu kedua telah menunjukkan beberapa barang kes yang telah kemudiannya dirampas oleh SP12 dari dalam rumah tersebut, termasuklah sebuah 'Samsung Galaxy Tab' berwarna putih bersaiz 10.1 inci, No Model: GT-P5100, No IMEI: 354314/05/259689/4 dan S/N: RF1CB12V22P yang dirampas di ruang tamu rumah tersebut. No IMEI 'Samsung Galaxy Tab'yang dirampas daripada perayu kedua ini adalah sama dengan No IMEI yang tertera

di atas kotak 'Samsung Galaxy Tab' yang ditemui di dalam rumah si mati.

[36] Perayu pertama dan perayu kedua telah kemudiannya dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan di mahkamah.

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[37] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah membuat dapatan bahawa:

(a) kematian si mati telah dibuktikan melalui sijil kematian si mati ('P177'). Kematian si mati juga telah disahkan oleh Pakar Forensik Patologi, SP29. Identiti si mati telah dicamkan oleh abangnya sendiri iaitu Mohd Azrizal Suhairi bin Hillaluddin ('SP7'). Tiada pertikaian bahawa si mati telah mati dalam kes ini;

(b) serangan dengan senjata tajam di dua lokasi 'vital' si mati menunjukkan bahawa penyerangnya mempunyai niat untuk menyebabkan kematian si mati, memenuhi cabang pertama di bawah s 300 Kanun Keseksaan. Terdapat juga keterangan yang menunjukkan niat perayu kedua untuk membunuh si mati apabila perayu kedua memberitahu niatnya untuk membunuh si mati dan pergi ke rumah SP31 untuk meminjam sebilah pisau; dan

(c) terdapatnya keterangan yang menunjukkan bahawa si mati telah mati akibat daripada perlakuan perayu pertama dan perayu kedua yang disertakan dengan niat bersama untuk menyebabkan kematian si mati.

[38] Maka, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua perayu dan memerintahkan mereka untuk membela diri.

[39] Perayu pertama telah memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah manakala perayu kedua memilih untuk memberikan keterangan secara tidak bersumpah daripada kandang tertuduh.

KES PEMBELAAN

[40] Pembelaan perayu pertama dan perayu kedua juga telah dikupas dengan panjang lebar oleh hakim bicara dan kami tidak bercadang untuk memperturunkan kesemuanya di sini. Pada hemat kami, inti pati kes pembelaan kedua-dua perayu seperti yang telah dikupas oleh hakim bicara dapat disimpulkan seperti berikut.

[41] Pertama sekali, perayu pertama dalam pembelaannya menyatakan bahawa: A

(a) perayu pertama mengenali si mati melalui 'Facebook' dan saling berhubung. Kemudian, mereka bertukar nombor telefon dan mula berhubung melalui telefon. Mereka tidak pernah bersemuka sehinggalah pada hari kejadian; B

(b) menurut perayu pertama, si mati seorang yang mengongkong dan tidak membenarkan perayu pertama berkawan dengan lelaki lain tanpa persetujuannya; C

(c) perayu pertama mengesahkan bahawa pada 31 Disember 2014, si mati telah datang ke Politeknik Merlimau untuk berjumpa dengannya. Dia ternampak si mati sedang menunggunya di pintu luar Politeknik. Perayu pertama memberitahu perayu kedua mengenai perkara tersebut; D

(d) perayu kedua merupakan kenalan perayu pertama semasa perayu pertama belajar di Politeknik. Menurut perayu pertama, perayu kedua mengetahui bahawa si mati sering mengganggunya. Menurut perayu pertama, sekiranya dia tidak melayan si mati, si mati sering mengugut untuk menyebarkan gambar lucah perayu pertama. Apabila si mati hendak berjumpa dengan perayu pertama, perayu pertama mengharapkan perayu kedua untuk menolongnya; E

(e) menurut perayu pertama, pada hari kejadian, perayu kedua telah meminta perayu pertama untuk membawa si mati ke lorong belakang yang gelap iaitu di tempat kejadian. Menurut perayu pertama lagi, apabila sampai di sana, si mati telah mula meraba perayu pertama dan meminta untuk mengadakan hubungan seks. Perayu pertama kemudian terdengar suara jeritan SP31. Setelah mendengar suara jeritan tersebut, si mati telah menyerahkan begnya kepada perayu pertama dan bergegas menuju ke arah suara tersebut. Dalam keadaan yang gelap, perayu pertama melihat seperti ada pergaduhan. Perayu pertama terus beredar dari situ bersama-sama beg si mati; dan F G

(f) perayu pertama menafikan penglibatannya dalam pembunuhan si mati. H

[42] Perayu kedua melalui keterangan yang tidak bersumpahnya pula, secara ringkasnya, menafikan penglibatannya dalam pembunuhan si mati dan menyatakan bahawa SP31 yang telah membunuh si mati. Menurut perayu kedua, sebaik sahaja perayu kedua diturunkan di tempat kejadian, dia telah terjatuh dalam semak dan kakinya terkena besi. Akibat daripada kecederaan tersebut, perayu kedua terus berjalan kaki untuk pulang ke rumah perayu pertama. Perayu kedua menafikan berada di tempat di mana si mati dibunuh mahupun tempat mayatnya dijumpai. I

A DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PEMBELAAN

[43] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati bahawa kedua-dua perayu telah gagal untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan, dan mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap kedua-dua perayu. Oleh itu, kedua-dua perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan serta dijatuhkan hukuman gantung di leher sampai mati.

C PRINSIP BERKENAAN RAYUAN JENAYAH

[44] Prinsip undang-undang adalah mapan bahawa di dalam mana-mana rayuan jenayah terhadap sabitan, tugas dan tanggungjawab mahkamah yang mendengar rayuan tersebut adalah untuk mempertimbangkan sama ada sabitan terhadap tertuduh tersebut adalah selamat.

[45] Mahkamah ini melalui Gopal Sri Ram HMR (ketika itu) dalam kes *Mohd Johi bin Said & Anor v Public Prosecutor* [2005] 5 MLJ 409; [2005] 1 CLJ 389 telah memutuskan seperti berikut:

> 12. Unlike civil appeals, where the appellant carries the burden of showing that the judge at first instance went wrong, in a criminal case the duty of the court is to consider whether the conviction is right. *The correct approach is therefore not whether the decision is wrong but whether the conviction is safe.* See *Mohammad Husain v Emperor* AIR 1945 Nag 441; *Zahari bin Yeop Baai v Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 160. That question, on the present facts, must receive a negative response. (Penekanan ditambah.)

[46] Lihat juga kes *Mohamad bin Deraman v Public Prosecutor* [2011] 3 MLJ 289; [2011] 3 CLJ 601 (MR).

[47] Prinsip undang-undang juga adalah mapan bahawa mahkamah yang mendengar rayuan seharusnya keberatan untuk mengganggu dapatan fakta hakim bicara melainkan hakim bicara telah dengan nyata terkhilaf dalam penilaian fakta-fakta yang dikemukakan di hadapannya.

[48] Kami berpandu kepada penghakiman Zaki Tun Azmi KHN (ketika itu) dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151; [2009] 3 CLJ 236 di mana telah diputuskan seperti berikut:

> It is an established principle of law that when dealing with finding of facts, the trial judge is more often than not, in a better position to decide. *The appellate court must be reluctant to interfere with such findings, unless the facts obviously disclose the courts below had clearly and wrongly evaluated the facts.* (Penekanan ditambah.)

[49] Lihat juga *Kenneth Fook Mun Lee v Public Prosecutor* [2007] 2 MLJ 130; [2006] 4 CLJ 359 (MP), *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 (MP), *Low Kian Boon & Anor v Public Prosecutor* [2010] 4 MLJ 425; [2010] 5 CLJ 489 (MP), dan *Lim San Muk v Public Prosecutor* [2019] MLJU 1164; [2019] 1 LNS 1762 (MR).

[50] Penting juga untuk dinyatakan di sini bahawa mahkamah yang mendengar rayuan mempunyai kuasa menyemak dan menilai semula kesemua keterangan yang telah dikemukakan walaupun terdapat kekurangan atau kegagalan di pihak hakim bicara untuk membuat sesuatu dapatan di dalam alasan penghakimannya.

[51] Kami merujuk kepada prinsip yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800 seperti mana berikut:

> Power of appellate court to review or to re-evaluate all available evidence
>
> [20] As regards the first main ground of appeal raised by the appellant, *I am of the view that the Court of Appeal has the power to review or to re-evaluate all the evidence available as adduced by the prosecution. The Court of Appeal is in a position to do so in the present case even though the grounds of decision of the trial judge as appearing in the appeal records is found lacking in specific findings and with no reasons for the findings.* In a case involving purely a question of fact, the Court of Appeal is free to determine whether or not the various findings of the trial court are correct (see *Mohamed Mokhtar v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 122). In the present case even though the Court of Appeal took the view that the High Court judgment was of no assistance, it nevertheless had considered and subjected all the evidence adduced by the prosecution to a critical re-examination. The Court of Appeal had given sound reasons as to why the evidence was admitted and how it had implicated the appellant. There was no miscarriage of justice against the appellant as the Court of Appeal's decision was based on evidence adduced from the witnesses called by the prosecution as appearing in the appeal records. I am therefore of the view that the Court of Appeal did not err on this issue. (Penekanan ditambah.)

[52] Lihat juga kes *Public Prosecutor v Azilah bin Hadri & Anor* [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579 (MP) and *Rasoul Bagherbejandi Ahmad v Public Prosecutor and another appeal* [2016] 1 MLJ 272; [2015] 1 LNS 772 (MR).

KETERANGAN MENGIKUT KEADAAN (*CIRCUMSTANTIAL EVIDENCE*)

[53] Sebelum kami mengupas isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak-pihak dalam rayuan ini, kami ingin menyatakan persetujuan kami dengan dapatan hakim bicara bahawa kes terhadap kedua-dua perayu di sini adalah bergantung sepenuhnya kepada keterangan mengikut keadaan

memandangkan tiada saksi mata yang menyaksikan pembunuhan si mati.

[54] Dalam keadaan ini, pihak pendakwaan memikul beban yang berat untuk menunjukkan bahawa keterangan mengikut keadaan yang telah dikemukakan tidak akan menyimpulkan inferens yang lain selain daripada kebersalahan tertuduh sahaja.

[55] Thomson CJ (ketika itu) dalam kes *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 307; [1962] 1 LNS 22 (MR) telah mengupas mengenai prinsip keterangan mengikut keadaan ini seperti berikut:

> In the first place we have listened to a careful, accurate and detailed analysis of the evidence against the appellant. That evidence was entirely circumstantial and what the criticism of it amounts to is this, that no single piece of that evidence is strong enough to sustain the convictions. That is very true. *It must, however, be borne in mind that in cases like this where the evidence is wholly circumstantial what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to make a rope. The real question is: is that rope strong enough to hang the prisoner?* (Penekanan ditambah.)

[56] Prinsip ini dipersetujui oleh Mahkamah Persekutuan dalam beberapa kes selepasnya seperti *Krishna Rao a/l Gurumurthi v Public Prosecutor and another appeal* [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603 (MP), *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717 (MP), *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805 (MP), dan *Public Prosecutor v Jitweer Singh a/l Ojagar Singh* [2014] 6 MLJ 222; [2014] 1 CLJ 433 (MP).

[57] Ong Hock Thye HMP (ketika itu) dalam kes *Karam Singh v Public Prosecutor* [1967] 2 MLJ 25; [1967] 1 LNS 65 ketika menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan telah menyatakan seperti berikut:

> ... In a case where the prosecution relies on circumstantial evidence, *such evidence must be inconsistent with any other hypothesis than that of the guilt of the accused* ... (see also: *Muniandy & Anor v Public Prosecutor* [1973] 1 MLJ 179; [1973] 1 LNS 92, *Kamis v Public Prosecutor* [1975] 1 MLJ 461; [1974] 1 LNS 59, *Lim Foo Yong v Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 259; [1976] 1 LNS 62 and *Dato' Mokhtarbin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] CLJ Rep 101; [1983] 2 CLJ 10. (Penekanan ditambah.)

[58] Dalam kes *Chang Kim Siong v Public Prosecutor* [1968] 1 MLJ 36; [1967] 1 LNS 18 (MP) pula, Pike KH (Borneo) (ketika itu) turut menyatakan seperti berikut:

> The onus on the prosecution where the *evidence is of a circumstantial nature is a very heavy one and that evidence must point irresistibly to the conclusion of the guilt of the*

accused. If there are gaps in it, then it is not sufficient. (Penekanan ditambah.) A

[59] Dalam kes *Jayaraman & Ors v Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 273; [1981] 1 LNS 129 (MP), Syed Othman HMP (ketika itu) telah menjelaskan berkenaan prinsip ini sepertimana berikut: B

> I am well aware that the 'irresistible' formula has been used by the courts here in dealing with circumstantial evidence. But I would like to refer here to *Mc Greevy v Director of Public Prosecution* where it was argued at p 279, before the House of Lords that in criminal trial in which the prosecution case, or any essential ingredient thereof, depends, as to the commission of the act, entirely on circumstantial evidence, it is the duty of the trial judge, in addition to giving the usual direction that the prosecution must prove the case beyond reasonable doubt, to explain to the jury in terms appropriate to the case being tried that this direction means that they must not convict on circumstantial evidence *unless they are satisfied that the facts proved are: (a) consistent with the guilt of the accused; and (b) exclude every reasonable explanation other than the guilt of the accused.* (Penekanan ditambah.) C D

[60] Kami telah mempertimbangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak dalam rayuan ini berlandaskan kepada prinsip undang-undang yang telah dinyatakan di atas. E

Isu pertama: Sama ada sabitan terhadap perayu pertama adalah selamat

[61] Peguambela perayu pertama berhujah bahawa hakim bicara telah merujuk kepada keterangan SP30, SP31 dan SP36 sahaja untuk mengguna pakai prinsip keterangan 'last seen together' bagi mengaitkan perayu pertama dengan pembunuhan si mati. F

[62] Peguambela perayu pertama berhujah bahawa walaupun keterangan tersebut menunjukkan bahawa perayu pertama merupakan orang yang terakhir dilihat bersama si mati, ia bukanlah bukti konklusif untuk membabitkan perayu pertama dengan kematian si mati. G

[63] Kami bersetuju dengan hujahan peguambela perayu pertama tersebut. Kami merujuk kepada kes yang telah diputuskan oleh mahkamah ini iaitu *Ho Sek Kong v Public Prosecutor* [2011] 5 MLJ 359; [2011] 6 CLJ 522 yang telah bersetuju dengan dapatan hakim bicara kes tersebut yang menyatakan seperti berikut: H

> ... According to the commentary in *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes* (p 1425) 'the fact that the accused and the deceased were 'last seen together' is a circumstance of an incriminating nature against the accused — *But the mere fact that the accused was last seen together with the deceased does not necessarily lead to the irresistible inference that he had committed the crime.' It cannot therefore be the sole basis for a conviction. However, taken together with his own confession, the court may make a* I

inference of his guilt. (*State v Shaik Mazhar* AIR 2001 SC 2427). (Penekanan ditambah.)

[64] Bagi mengguna pakai prinsip ini, pihak pendakwaan perlulah mengemukakan keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh dan si mati telah dilihat bersama-sama sebelum kesalahan tersebut dilakukan, dalam tempoh yang singkat sehingga tidak wujud sebarang kemungkinan kesalahan tersebut dilakukan oleh orang lain selain daripada tertuduh.

[65] Kami bersetuju dengan apa yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agung India dalam kes *Mahavir Singh v State of Haryana* [2015] 3 CLJ 1009 sepertimana berikut:

> [12] Undoubtedly; *it is a settled legal proposition that the last seen theory comes into play only in a case where the time-gap between the point of time when the accused and the deceased were seen alive and when the deceased was found dead (sic is small). Since the gap is very small there may not be any possibility that any person other than the accused maybe the author of the crime*. In the instant case, if we examine the medical report minutely, it becomes evident that the deceased Suraj Mal had been murdered one week prior to the post-mortem. Thus, it becomes evident that he had been killed in a very proximity of time when the deceased was seen alive with the appellant and Jagbir Singh, co-accused. (Penekanan ditambah.)

[66] Dalam kes *Rakesh Kumar a/l Thangagrajoo lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan* [2017] MLJU 618; [2017] 1 LNS 502 (MR), mahkamah ini telah mengupas berkenaan teori ini seperti berikut:

> [23] Kami juga bersetuju dengan penghujahan Timbalan Pendakwa Raya berkenaan dengan pemakaian konsep 'last seen together' seperti mana diputuskan dalam kes *Ashok v State of Maharashtra* [2015] 4 SC 393. Dalam kes ini, Mahkamah Agung di India telah memutuskan seperti yang berikut:
>
> > The 'last seen together' theory has been elucidated by this Court in *Trimukh Marotiu Kirkan v State of Maharashtra* [2006] 10 SCC 106, in the following words:
> >
> > > Where an accused is alleged to have committed the murder of his wife and the prosecution succeeds in leading evidence to show that shortly before the commission of crime they were seen together or the offence takes place in the dwelling home where the husband also normally resided, it has been consistently held that if the accused does not offer any explanation how the wife received injuries or offers an explanation which is found to be false, it is a strong circumstance which indicates that he is responsible for commission of the crime. Thus, the doctrine of last seen together shifts the burden of proof on the accused, requiring him to explain how the incident had occurred. Failure on the part of the accused to furnish any explanation in this regard, would give rise to a very strong presumption against him.
> >
> > In *Ram Gulab Chaudhary v State of Bihar* [2001] 8 SCC 311, the accused

after brutally assaulting a boy carried him away and thereafter the boy was not seen alive nor his body was found. The accused, however, offered no explanation as to what they did after they took away the boy. It was held that for absence of any explanation from the side of the accused about the boy, there was every justification for drawing an inference that they had murdered the boy.

In *Nika Ram v State of HP* [1972] 2 SCC 80, it was observed that the fact that the accused alone was with his wife in the house when she was murdered with a 'Khukhri' and the fact that the relations of the accused with her were strained would, in the absence of any cogent explanation by him, point to his guilt.

The latest judgment on the point is *Kanhaiya Lai v State of Rajasthan* [2014] 4 SCC 715. In this case this court has held that the circumstance of last seen together does not by itself and necessarily lead to the inference that it was the accused who committed the crime. There must be something more establishing the connectivity between the accused and the crime. Mere non-explanation on the part of the accused by itself cannot lead to the proof of guilt against the accused.

From the study of above stated judgments and many others delivered by this Court over a period of years, the rule can be summarised as that the initial burden of proof is on the prosecution to bring sufficient evidence pointing towards guilt of accused. However, in case of last seen together, the prosecution is exempted to prove exact happening of the incident as the accused himself would have special knowledge of the incident and thus, would have burden of proof as per s 106 of Indian Evidence Act. *Therefore, last seen together itself is not a conclusive proof but along with other circumstances surrounding the incident, like relations between the accused and the deceased, enmity between them, previous history of hostility, recovery of weapon from the accused etc, non-explanation of death of the deceased, may lead to a presumption of guilt.* (Penekanan ditambah.)

[67] Setelah meneliti keseluruhan rekod rayuan, kami bersetuju dengan hujahan peguambela perayu pertama dan membuat dapatan seperti berikut.

[68] Pertama sekali, walaupun pihak pendakwaan mengguna pakai s 34 Kanun Keseksaan untuk cuba mengaitkan perayu pertama dengan pembunuhan si mati, pihak pendakwaan perlu juga mengemukakan keterangan yang menunjukkan wujudnya perancangan untuk membunuh si mati yang dipersetujui oleh perayu pertama.

[69] Seksyen 34 Kanun Keseksaan menyatakan seperti berikut:

When a criminal act is done by several person, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.

[70] Hashim Yeop A Sani HMT (ketika itu) dalam kes *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] 1 CLJ 138; [1983] CLJ Rep 721 (MP) telah menyatakan seperti berikut:

> Under s 34 of the Penal Code, *to succeed the prosecution must prove that the criminal act was done in concert pursuant to the prearranged plan or arrangement.* In practice it is of course difficult to produce direct evidence to prove the intention of an individual. In most cases, however, it can be inferred from his act or conduct or other relevant circumstances of the case (see *Mahbub Shah v King Emperor* [1945] 72 IA 148, 153) ...
>
> ... It is also a common-sense principle that if two or more persons intentionally do a thing jointly it is just the same as if each of them had done it individually. If two or more persons combine in injuring another in such a manner that each person engaged in causing the injury must know that the result of such injury may be the death of the injured person, it is no answer on the part of any one of them to allege and perhaps prove, that his individual act did cause death, and that by his individual act he cannot be held to have intended death. Every one must be taken to have intended the probable and natural results of the combination of acts in which he joined.
>
> Thus it is clear that the leading feature of s 34 of the Penal Code is the element of participation in action. *Two preliminary elements are in fact necessary to fulfill the requirement of s 34. First, there must be evidence (direct or by inference) the accused was present at the scene of the crime. Secondly, there must be evidence to show that there was prior concert or prearranged plan involving the accused.* This is logical because how can there be participation without physical presence. Even passive participation may require physical presence. (Penekanan ditambah.)

[71] Mahkamah Agung dalam kes *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336; [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ Rep 241 telah memutuskan melalui Syed Agil Barakbah HMA (ketika itu) seperti berikut:

> In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. *There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was: (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted; and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.*
>
> *Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference.* Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because *common intention may develop on the spot* and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused, (see the Supreme Court (of India) on Criminal Law 1950–1960 by JK Soonavala pp 188–193). (Penekanan ditambah.)

[72] Dalam kes *Farose bin Tamure Mohamad Khan v Public Prosecutor and other appeals* [2016] 6 MLJ 277; [2016] 9 CLJ 769, Mahkamah Persekutuan melalui Raus Sharif PMR (ketika itu) telah memutuskan seperti berikut:

> [53] Common intention, distinguished from the same or similar intention, *requires proof that the criminal act was done in pursuance of a prearranged plan* (Mahbub Shah). *Such pre-planning may develop on the spot or in the course of commission of an offence, the crucial test being the plan must precede the commission of the offence* (*(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336).
>
> [54] A common intention maybe often be difficult to prove by way of direct evidence in practice, but it can be inferred from the circumstances of the case and the conduct of the accused (*Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] CLJ Rep 101) ...
>
> ... [66] The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. Direct evidence as proof is difficult to procure because common intention is essentially a state of mind. Invariably inferences have to rely upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused arrived at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available. The totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a conclusion whether there is a common intention to commit the offence for which the accused could be convicted. The facts and circumstances of each case might vary. As such, each case should be decided based on the facts involved. (Penekanan ditambah.)

[73] Berdasarkan kepada keterangan yang telah dikemukakan, kami mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk menunjukkan bahawa wujudnya sebarang perancangan di pihak perayu pertama untuk membunuh si mati, sama ada sebelum ataupun ketika kesalahan tersebut dilakukan.

[74] Fakta yang tidak disangkal dalam kes ini adalah masalah yang timbul di antara si mati dengan perayu pertama dan perayu kedua bermula apabila si mati datang berjumpa dengan perayu pertama di Politeknik Merlimau ketika mana perayu pertama sudah pun menjalin hubungan dengan perayu kedua. Dalam perjumpaan kali pertama di antara si mati dengan perayu pertama, perayu pertama hendak menyelesaikan masalah cinta tiga segi di antara mereka bertiga. Perayu pertama percaya bahawa apabila si mati bersemuka dengan perayu kedua, masalah tersebut dapat diselesaikan dengan lebih baik. Tiada sebarang keterangan yang dapat menunjukkan sebarang motif di pihak perayu pertama untuk membunuh si mati.

[75] Hakim bicara telah merujuk kepada kandungan SMS (P145) di antara perayu pertama dan perayu kedua dalam mencapai dapatannya bahawa

terdapat niat bersama di antara perayu pertama dan perayu kedua untuk membunuh si mati.

[76] Sungguhpun begitu, kami mendapati bahawa di dalam kesemua komunikasi SMS di antara perayu pertama dan perayu kedua, tidak wujud sebarang rujukan langsung kepada apa-apa permintaan, perbincangan, perancangan dan niat bersama untuk mencederakan, membelasah atau lebih-lebih lagi untuk membunuh si mati. Fakta yang paling kukuh yang dapat disimpulkan daripada komunikasi SMS tersebut hanyalah bahawa perayu kedua telah meminta perayu pertama untuk membawa si mati ke kawasan lorong belakang kedai tersebut.

[77] Kami juga bersetuju dengan hujahan peguambela perayu bahawa tiada keterangan yang menunjukkan bahawa perayu pertama mempunyai pengetahuan mengenai pisau yang dibawa oleh perayu kedua. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa perayu pertama ada membawa sebarang senjata semasa ditemani SP30 ke Restoran Al-Mashur. Tiada sebarang keterangan untuk mengaitkan perayu pertama dengan senjata pembunuhan (P39(AK45B)) yang ditemui di rumah SP31.

[78] Selain daripada itu juga, tidak terdapat sebarang kesan darah si mati pada baju yang dipakai oleh perayu pertama pada malam tersebut setelah dirampas oleh pihak polis dan dianalisis oleh Jabatan Kimia.

[79] Berkenaan dengan keterangan SP30 bahawa perayu pertama dilihat keluar daripada lorong di hadapan Restoran Secret Recipe sambil memegang beg milik si mati, kami mendapati bahawa perayu pertama telah pun menerangkan perihal pemilikan beg tersebut (yang telah diserahkan oleh si mati sendiri) dalam pembelaannya. Pada hemat kami, fakta pemilikan beg si mati tersebut mewujudkan beberapa inferens, maka inferens yang memihak kepada perayu pertama hendaklah diguna pakai.

[80] Kami merujuk kepada kes *Magendran a/l Mohan* di mana Mahkamah Persekutuan telah merujuk dan bersetuju dengan keputusan mahkamah ini dalam kes *Tai Chai Keh v Public Prosecutor* [1948] 1 LNS 122; [1948–1949] supp MLJ 105b (MR) yang menyatakan seperti berikut:

> ... Where there is more than one inference which can reasonably be drawn from a set of facts in a criminal case, we are of the opinion that the inference most favourable to the accused should be adopted.

[81] Kami juga mendapati bahawa perayu pertama tidak terlibat sama dalam pelupusan bukti pembunuhan si mati oleh perayu kedua setelah kejadian berlaku. Kami juga berpendapat bahawa versi perayu pertama ini

adalah konsisten dengan keseluruhan keterangan di hadapan mahkamah.

[82] Oleh itu, kami berpandangan bahawa terdapat merit dalam rayuan perayu pertama ini. Oleh itu, kami mendapati bahawa hakim bicara telah terkhilaf apabila mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhannya terhadap perayu pertama melampaui keraguan yang munasabah. Pada hemat kami, kekhilafan hakim bicara mewajarkan campur tangan rayuan di sini.

Isu kedua: Sama ada sabitan terhadap perayu kedua adalah selamat

[83] Peguambela perayu kedua berhujah bahawa tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa perayu kedua berada di lokasi pembunuhan si mati. Peguambela perayu kedua telah merujuk kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan seperti berikut.

[84] Pegawai penyiasat iaitu SP37 menyatakan sewaktu pemeriksaan balas bahawa:

(a) SP37 bersetuju bahawa SP31 hanya menurunkan perayu kedua di sebuah kawasan lapang;

(b) SP37 bersetuju bahawa SP28 dan SP31 tidak nampak perayu kedua pergi ke tempat si mati; dan

(c) SP37 bersetuju bahawa kesan darah di atas jalan tar, rambut dan kesan darah pada ketulan batu kerikil tidak menunjukkan perayu kedua berada di tempat kejadian.

[85] SP31 semasa pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula menyatakan bahawa SP31 tidak nampak perayu kedua berada di tempat kejadian dan sewaktu SP31 sampai di rumah sewa perayu pertama pada jam sekitar 1 pagi, perayu kedua telah pun berada di dalam rumah tersebut.

[86] SP28 menyatakan bahawa SP28 tidak nampak sesiapa di kawasan gelap ketika menurunkan perayu kedua, apatah lagi si mati. SP28 juga tidak nampak perayu kedua membawa sebarang senjata ketika minta untuk diturunkan. SP28 tidak melihat sebarang kesan darah pada baju perayu kedua dan tidak pasti siapa yang membakar beg yang didakwa milik si mati sama ada perayu kedua atau SP31. SP30 juga menyatakan bahawa tidak melihat perayu kedua ketika perayu pertama dan si mati menuju ke belakang bangunan.

[87] Peguambela perayu kedua turut berhujah bahawa tiada sebarang kesan DNA perayu kedua ditemui di tempat pembunuhan si mati tersebut. Kesan cap jari dan DNA perayu kedua juga tidak ditemui pada senjata pembunuhan.

Penemuan senjata pembunuhan juga adalah hasil pandu arah SP31 yang mengakui telah membersihkannya.

[88] Berdasarkan kepada di atas, peguambela perayu kedua berhujah bahawa tiada keterangan yang menunjukkan bahawa perayu kedua berada di tempat kejadian dan terdapat kemungkinan bahawa SP31 merupakan pembunuh si mati yang sebenar.

[89] Berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu kedua dalam rayuan ini, kami berpendapat bahawa isu-isu yang dibangkitkan adalah tidak bermerit sama sekali.

[90] Pertama sekali, SP28 dan SP31 mengesahkan bahawa perayu kedua telah diturunkan di kawasan berhampiran dengan perayu pertama dan si mati pada waktu yang lebih kurang sama si mati kali terakhir dilihat masih hidup bersama perayu pertama.

[91] Kedua, terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa:

(a) perayu kedua ada menyatakan ingin membunuh si mati dan meminjam pisau dari rumah SP31;

(b) perayu kedua telah mengesan si mati di Merlimau dan menunjukkan si mati kepada SP31;

(c) perayu kedua telah meminta perayu pertama untuk membawa si mati ke lorong belakang tempat kejadian;

(d) perayu kedua telah meminta SP31 untuk menurunkannya di lorong belakang kedai yang berhampiran;

(e) sewaktu perayu kedua turun dari motosikal di lorong berhampiran tempat kejadian, perayu kedua telah mencampak sarung pisau ke dalam raga motosikal SP31 dan membawa pisau bersamanya;

(f) perayu kedua telah menyalin pakaiannya selepas pulang dari tempat kejadian; dan

(g) perayu kedua telah melupuskan bahan bukti seperti menyuruh SP31 membakar beg milik si mati, pakaiannya pada malam tersebut, dan menyuruh SP31 membasuh pisau yang digunakan untuk membunuh si mati.

[92] Ketiga, pengakuan perayu kedua kepada SP31 bahawa dia telah membunuh si mati juga adalah relevan, boleh diterima masuk dan tidak tertakluk kepada peruntukan di bawah s 24 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

Section 24 Confession caused by inducement, threat or promise when irrelevant in criminal proceeding. A

A confession made by an accused person is irrelevant in a criminal proceeding if the making of the confession appears to the court to have been caused by any inducement, threat or promise having reference to the charge against the accused person, proceeding from a person in authority and sufficient in the opinion of the court to give the accused person grounds which would appear to him reasonable for supposing that by making it he would gain any advantage or avoid any evil of a temporal nature in reference to the proceeding against him. B

C

[93] Kami berpendapat bahawa pengakuan perayu kedua kepada SP31 dan SP28 bahawa dia telah membunuh si mati adalah suatu pengakuan sepertimana yang ditakrifkan di bawah s 17(2) Akta Keterangan 1950 seperti berikut:

A confession is an admission made at any time by a person accused of an offence, stating or suggesting the inference that he committed that offence. D

[94] Perayu kedua dalam kes ini juga telah dituduh di mahkamah untuk kesalahan yang berkaitan dengan pengakuannya (lihat *Selvadurai v Public Prosecutor* [1948–1949] supp MLJ 43 dan *Thiruselvam s/o Nagaratnam v Public Prosecutor* [2001] 2 SLR 125 (SCA)). E

[95] SP31 juga bukanlah seorang 'person in authority' dan hanya merupakan sepupu kepada perayu kedua. Kami bersetuju dengan apa yang telah dinyatakan oleh Wan Hamzah HMT (ketika itu) dalam kes *Re Lee Kim Ching* [1974] 2 MLJ 44 seperti berikut: F

I agree with the learned deputy public prosecutor that there is no evidence to show that PW2 was a person in authority in relation to the offender. *Evidence merely shows that PW2 and the offender were fellow workers in the perm parlour. Therefore s 24 had no application.* (Penekanan ditambah.) G

[96] Juga tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa wujudnya elemen 'inducement, threat or promise' ketika perayu kedua membuat pengakuan tersebut kepada SP31. H

[97] Keempat, hakim bicara juga telah mempertimbangkan keterangan SP31 secara teliti dan menyeluruh dan membuat dapatan bahawa SP31 adalah saksi yang boleh dipercayai. Dapatan hakim bicara di dalam alasan penghakimannya adalah seperti berikut: I

I. Kredibiliti SP31

Pihak OKT mempertikaikan kredibiliti SP31. Ini adalah kerana menurut pihak pembelaan, keterangan SP31 adalah tidak selamat untuk diterima oleh mahkamah

memandangkan SP31 adalah saksi yang dikatakan sebagai berkepentingan.

Kredibiliti SP31 telah dipertimbangkan oleh mahkamah dan mendapati dalam banyak hal SP31 akan mem bantu apabila OKT 2 meminta pertolongannya.

Namun demikian, pertolongan SP31 kepada OKT 2 adalah sekadar pertolongan dari seorang kawan balk.

SP31 sanggup pergi dengan OKT 2 apabila diminta oleh OKT 2 untuk menemannya pergi melihat wajah si mati walaupun pada masa itu SP31 baru balik dari kerja dalam keadaan letih dan lapar. SP31 bersusah payah dalam berbagai keadaan, telah meminjamkan motosikalnya kepada OKT 2 apabila diminta oleh OKT 2 ataupun menunggu OKT 2 atas permintaan OKT 2 walaupun keadaan itu menyusahkan dirinya kerana tidak dapat balik walaupun hah sudah larut malam dan dia dalam keadaan lapar; SP31 telah bantu OKT 2 untuk membakar barangan si mati apabila pertolongannya diminta oleh OKT 2.

Namun demikian, hasil kajian mahkamah terhadap keterangan, menunjukkan kebaikan SP31 terhadap OKT 2 bukanlah sehingaa sanggup untuk melakukan pembunuhan untuk kepentingan OKT 2. SP31 juga tiada kaitan dengan OKT 1. Keterangan yang ada juga tidak menunjukkan kepada mahkamah bahawa SP31 marah dengan si mati ataupun dibayar ataupun mempunyai apa-apa sebab utuk membunuh si mati bagi pihak OKT 1 ataupun OKT 2.

Walau bagaimanapun, mahkamah sentiasa menimbang dan berhati-hati dalam menerima keterangan SP31 dalam kes ini memandangkan keakraban OKT 2 dengan SP31.

[98] Dalam kes ini, hakim bicara telah memberi amaran kepada dirinya sendiri sebelum menerima keterangan SP31, dan akhirnya berpendapat bahawa keterangan SP31 boleh dipercayai. Memandangkan hakim bicara mempunyai kelebihan *audio-visual* apabila membuat dapatan fakta tersebut dan telah menilai keterangan SP31 secara keseluruhan seperti yang dinyatakan di dalam alasan penghakimannya, kami berpendapat bahawa tiada sebarang sebab untuk kami mengganggu dapatan fakta tersebut di peringkat rayuan ini.

[99] Hasan Lah HMP (ketika itu) dalam kes *Md Zainudin bin Raujan v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 773; [2013] 4 CLJ 21 telah memutuskan seperti berikut:

> [37] The learned trial judge had given a maximum evaluation to PW5's evidence and found him to be credible. That finding was affirmed by the Court of Appeal. In *Tan Kim Ho & Anor v Public Prosecutor* [2009] 3 MLJ 151 at pp 164–165; [2009] 3 CLJ 236 at p 252 Zaki Tun Azmi CJ reiterated as follows:
>
> > It is an established principle of law that *when dealing with finding of facts, the trial Judge is more often than not, in a better position to decide.* The appellate court must be reluctant to interfere with such findings, unless the facts obviously disclose the courts below had clearly and wrongly evaluated the facts.
>
> In *Lee Ah Seng & Anor v Public Prosecutor* [2007] 6 MLJ 1; [2007] 5 CLJ 1 this

court held:

> The approach to be taken by an appellate court when dealing with a trial court's assessment of credibility of witness is well-established by high authorities. *The credibility of a witness is primarily for the trial judge. An appellate court should always be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge who had audio-visual advantage of the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.* Discrepancies will always be found in the evidence of a witness but what a judge has to determine is whether they are minor or material discrepancies. It would be wrong to say just because a witness may have contradicted in his evidence or even told lies on one or two points, his evidence should be totally rejected. In the final analysis it is for the trial judge to determine which part of the evidence of a witness he is to accept and which to reject (see *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] 1 LNS 52 (PC); *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] 1 CLJ 138; [1983] CLJ Rep 721 (FC); *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197 (FC); *Che Omar bin Mohd Akhir v Public Prosecutor* [1999] 2 MLJ 689; [1999] 2 CLJ 780 (CA). It is not the function of an appellate court to make primary findings of facts (see *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457; [2005] 6 AMR 203.
>
> [38] *Assessing credibility is difficult and is best left to the trial judge who has the audio-visual advantage of a witness in action.* In this case, the learned trial judge, in our view, had correctly evaluated PW5's evidence and found him to be a credible witness. The Court of Appeal had further assessed the learned trial judge's evaluation of that evidence and agreed with the learned judge's conclusion. (Penekanan ditambah.)

[100] Kami berpendapat bahawa tiada sebarang salah arah dilakukan oleh hakim bicara apabila menerima masuk dan mempertimbangkan kesemua keterangan di atas.

[101] Selain daripada itu juga, barang milik si mati yang ditemui di dalam rumah perayu kedua (iaitu 'Samsung Galaxy Tab' yang mempunyai nombor IMEI yang sama dengan kotak 'Samsung Galaxy Tab' yang dijumpai oleh pihak polis di rumah si mati) selang beberapa hari selepas si mati dibunuh menimbulkan inferens yang tidak memihak kepada perayu kedua.

[102] Mahkamah Persekutuan melalui Suriyadi Halim Omar HMP (ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Azilah bin Hadri & Anor* [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579 telah mengupas berkenaan isu barang kes si mati yang ditemui dalam pemilikan tertuduh dengan merujuk kepada s 114(a) Akta Keterangan 1950 dan juga kes *Abdullah bin Saad v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 92; [1955] 1 LNS 3 (MR) telah menyatakan seperti berikut:

> [93] Similarly in the present case, the possession of the jewellery found in the jacket of the second respondent was not explained by the second respondent. Thus the

above presumption must remain. *The possession of the deceased's jewellery not only is indicative of the offence of theft or in possession of stolen property but of any other more aggravated crime, in this case the murder of the deceased.* At the very least it raises the presumption that the second respondent was present at Puncak Alam (see above *R v Rockman* [1789] 2 East PC p 1035, and see *R v Fuller* [1816] R & R 308). If no explanation is forthcoming the presumption then must remain and must pile up as further corroborative evidence to tie down the second respondent to the murder of the deceased. (Penekanan ditambah.)

[103] Selanjutnya, kami berpendapat bahawa penjelasan perayu kedua bahawa dia terus balik ke rumah sewa perayu pertama setelah tercedera di paha akibat terjatuh di kawasan loji berhampiran tempat kejadian adalah tidak masuk akal. Pada hemat kami, sebagai seorang teman lelaki yang diminta oleh perayu pertama untuk melindunginya, sudah tentu perayu kedua tidak akan meninggalkan perayu pertama seorang diri dengan si mati, ketika perayu pertama ingin memutuskan hubungan dengan si mati. Kami berpendapat bahawa adalah lebih berkemungkinan kecederaan di paha perayu kedua adalah diakibatkan daripada pergelutan di antara perayu kedua dengan si mati.

[104] Seterusnya, kami juga mendapati bahawa perbuatan perayu kedua yang telah membakar pakaian yang dipakainya pada malam kejadian itu adalah perbuatan untuk memusnahkan keterangan-keterangan darah atau DNA si mati yang tertinggal pada pakaian perayu kedua tersebut.

[105] Turut dipertimbangkan adalah keterangan pakar forensik patologi bahawa terdapatnya 14 luka tikaman dan 35 luka hirisan daripada senjata pisau dan tikaman kepada leher dan dada yang merupakan tempat yang 'vital' sudah cukup menyebabkan kematian si mati jelas menunjukkan niat perayu kedua untuk membunuh si mati yang memenuhi peruntukan di bawah s 300(a) Kanun Keseksaan.

[106] Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, sememangnya keterangan terhadap perayu kedua adalah keterangan mengikut keadaan. Dalam keadaan ini, pihak pendakwaan masih memikul beban yang berat untuk menunjukkan bahawa keterangan mengikut keadaan yang telah dikemukakan tidak akan menyimpulkan inferens yang lain selain daripada kebersalahan tertuduh sahaja melampaui keraguan yang munasabah. Kami berpendapat bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes mereka terhadap perayu kedua melampaui keraguan yang munasabah, dengan bergantung kepada kesemua keterangan mengikut keadaan yang dinyatakan di atas.

KESIMPULAN

[107] Secara keseluruhannya, kami mendapati bahawa sabitan terhadap perayu pertama adalah tidak selamat maka rayuan perayu pertama adalah dibenarkan. Oleh yang demikian, sabitan dan hukuman mati yang dijatuhkan terhadap perayu pertama adalah diketepikan dan perayu pertama adalah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan terhadapnya.

[108] Bagi perayu kedua pula, kami mendapati bahawa sabitan terhadap perayu kedua adalah selamat dan dapatan fakta hakim bicara adalah betul dan tidak ada sebarang alasan yang munasabah untuk kami mengganggunya. Maka, rayuan perayu kedua adalah ditolak. Oleh itu, sabitan dan hukuman gantung sampai mati terhadap perayu kedua adalah dikekalkan.

Rayuan perayu pertama dibenarkan dan rayuan perayu kedua ditolak.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali